PP

lwn.

JAGANTHIS BALLARAMAN & KES YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
ABU SAMAH NORDIN H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-2-2004,
45-3-2004 & 45-4-2004]
18 MEI 2005

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Mematikan orang dengan salah - Pengakuan salah - Tiada provokasi dari si mati - Hukuman setimpal - Kanun Keseksaan, ss. 304(a), 34*

Kempat-empat tertuduh di dalam tiga kes di sini telah mengaku salah terhadap dua pertuduhan pilihan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan ('Kanun') di baca bersama s. 34 Kanun kerana melakukan kesalahan mematikan orang (2 orang) dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh dan telah disabitkan sekadarnya. Fakta menunjukkan bahawa tertuduh Mohamad Iskandar, ketika sedang melakukan rompakan bersama tiga rakannya di sebuah rumah kongsi, telah menetak kedua si mati tersebut dengan parang, yang ketika itu sedang berbaring di tanah, sekaligus menyebabkan kematian mereka. Mohammad Iskandar bertindak demikian setelah tertuduh Mohamad Harith, iaitu adiknya, cedera akibat diserang oleh lain-lain penghuni kongsi. Fakta juga menunjukkan bahawa Mohamad Harith kini sedang menjalani hukuman penjara atas satu kesalahan lain di bawah s. 394 Kanun (dilakukan beliau selepas kes di sini dan semasa masih belum ditangkap). Dalam mitigasi mereka tertuduh antara lain menuntut diskaun hukuman di antara satu perempat hingga satu pertiga hukuman maksimum yang ditetapkan undang-undang. Soalan yang berbangkit adalah apakah hukuman yang patut dijatuhkan ke atas setiap tertuduh mengambilkira bahawa s. 304 Kanun menetapkan hukuman penjara mandatori tidak melebihi 20 tahun serta denda.

Diputuskan:

(1) Ciri universal di dalam prinsip hukuman adalah kepentingan awam. Maka, dalam memutuskan hukuman yang ideal, mahkamah harus mengambilkira fakta kes dan bijak mengimbang kepentingan awam dengan kepentingan pesalah. Hukuman yang ideal juga bukan semata-mata untuk menghukum pesalah tetapi juga bagi mencegah perbuatan jenayah. (perenggan 20)

(2) Diskaun atau kredit yang diberikan atas pengakuan salah adalah bukan di dalam semua kes secara automatik. Mahkamah masih mempunyai budibicara sama ada untuk memberikan diskaun atau sebaliknya, bergantung kepada fakta kes. (perenggan 33)

(3) Melihat kepada kecederaan-kecederaan yang dialami oleh kedua si mati, apa yang berlaku dalam kes ini amat menyedihkan. Tidak ada sebarang pertengkaran atau pergaduhan fizikal di antara tertuduh Mohammad Iskandar dan mangsa-mangsa atau provokasi daripada mereka. Mereka juga bukan orang yang memukul adik Mohammad Iskandar. Selain itu, tidak ada seorang tertuduh pun yang menyatakan rasa insaf dan menyesal akan perbuatan mereka. (perenggan 35 & 36)

(4) Mengambilkira autoriti-autoriti *(PP v. Ravindran & Ors, PP v. Mazaruddin bin Ahmad & Ors, PP v. Leo Say & Ors, PP v. Safian bin Abdullah & Anor, PP v. Nahendran a/l Krishnasamy, PP v. Wong Choo Chian, Vinaga Moorthy a/l Gopal v. PP, PP v. Chan Akau, PR v. Ooi Kwang Lai, dan R v. Costen)*, mahkamah menjatuhkan hukuman-hukuman berikut terhadap tertuduh-tertuduh: (i) bagi kes no. 45-2-2004 (Jaganthis Ballaraman), sembilan tahun penjara bagi setiap pertuduhan pilihan dengan hukuman berjalan serentak dari tarikh tangkap; (ii) bagi kes. No. 45-3-2004 (Mohammad Iskandar dan Mohamnad Harith), Mohammad Iskandar dikenakan hukuman 13 tahun penjara bagi setiap pertuduhan pilihan, dengan hukuman berjalan serentak dari tarikh tangkap; manakala bagi Mohammad Harith, beliau dijatuhkan hukuman 10 tahun penjara atas setiap pertuduhan tersebut, tetapi hukuman hendaklah bermula setelah beliau tamat menjalani hukuman penjara di bawah s. 394 Kanun; dan (iii) bagi kes 45-4-2004 (Ramani Periasamy), hukuman yang dijatuhkan adalah 9 tahun penjara bagi setiap pertuduhan dengan hukuman berjalan serentak bermula dari tarikh tangkap. (perenggan 40).

Kes-kes yang dirujuk:

Lim Guan Eng v. PP [1998] 3 CLJ 769 CA ***(dirujuk)***

Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP *[1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC* ***(dirujuk)***

Mohamed Jusoh Abdullah & Anor v. PP [1947] 12 MLJ 130 ***(dirujuk)***

Mohd Yusof v. PP [1947] MLJ 130 ***(dirujuk)***

PP v. Chan Akau [2004] 4 MLJ 471 ***(dirujuk)***

PP v. Dato' Waad Mansor [2005] 1 CLJ 421 FC ***(dirujuk)***

PP v. Nahendren Krishnasamy [1996] 1 CLJ 309 HC ***(dirujuk)***

PP v. Nazaruddin Ahmad & Ors [1993] 2 MLJ 9 ***(dirujuk)***

PP v. Leo Say & Ors [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683 HC ***(dirujuk)***

PP v. Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 ***(dirujuk)***
PP v. Ooi Kwang Lai [2000] 6 MLJ 622 ***(dirujuk)***
PP v Pujiona & Ors [2003] 5 MLJ 475 ***(dirujuk)***
PP v. Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45 ***(dirujuk)***
PP v. Safian Abdullah & Anor [1983] 1 CLJ 324; [1983] CLJ (Rep) 804 HC
PP v. Wong Choo Chian [2004] 5 MLJ 85 ***(dirujuk)***
R v. Costen [1980] 11 Cri App (S) CA 182 ***(dirujuk)***
R v. Sargent [1947] 60 Cri App R 74 ***(dirujuk)***
Rex v. Groudkowski [1946] 1 All ER 234 ***(dirujuk)***
Rex v. Kenneth John Ball 35 Cri App R 164 ***(dirujuk)***
Sau Soo Kin v. PP [1975] 2 MLJ 134 ***(dirujuk)***
Vinaga Moorthy Gopal v. PP [2003] 1 CLJ 758 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 292(1)
Firearms (Increased Penalties) Act 1971, ss. 3, 3A
Penal Code, ss. 34, 304(a), 394

Sumber-sumber yang dirujuk:
Halsburys Laws of England, vol 9, para 365

Bagi pihak pendakwa - Abd Rashid Daud (Shazreen Mohd Hatta bersamanya); TPR
Bagi pihak tertuduh - Kartini Yusof; T/n Kartini & Chan

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

Abu Samah Nordin H:

[1] Ketiga-tiga kes ini telah dibicarakan bersama atas permohonan Timbalan Pendakwa Raya dan dengan persetujuan peguambela oleh kerana keempat-empat tertuduh dituduh dengan kesalahan yang sama. Kesemua mereka telah mengaku salah terhadap dua pertuduhan pilihan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan ("KK") dibaca bersama dengan s. 34 KK kerana melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh. Si mati di dalam pertuduhan pilihan pertama ialah Tai Tiam Fan, berumur 43 tahun dan si mati di dalam pertuduhan pilihan kedua ialah seorang warganegara Indonesia bernama Solik, berumur 47 tahun.

[2] Hukuman maksimum bagi kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan ('KK') ialah hukuman penjara mandatori yang tidak melebihi 20 tahun dan pesalah juga boleh dikenakan denda.

Fakta Kes

[3] Secara ringkas, fakta kes yang diakui oleh kesemua tertuduh adalah seperti berikut. Pada 11 Julai 2003 jam lebihkurang satu pagi, semasa di rumah Muhammad Harith bin Abdullah, kesemua tertuduh

telah merancang dan bersetuju melakukan samun. Mereka kemudian pergi ke sebuah rumah kongsi di kebun sayur di Km. 21, Jalan Macap Selandar dengan menaiki dua buah motorsikal. Selepas meletakkan motorsikal mereka lebih kurang 50 meter dari rumah kongsi tersebut, mereka berjalan kaki menuju ke rumah kongsi dengan masing-masing bersenjatakan parang atau pisau.

[4] Apabila penghuni-penghuni rumah kongsi itu enggan membuka pintu, mereka telah memecahkan pintu masuk dan mula menggeledah dari bilik ke bilik. Seorang lelaki Cina, iaitu Tan Tiam Fah dan seorang lelaki Indonesia, iaitu Solik, kedua-duanya sedang tidur telah ditarik keluar dan disuruh berbaring di atas tanah oleh kesemua tertuduh. Kedua-dua laki-laki tersebut telah dipukul, dipijak dan ditendang oleh kesemua tertuduh.

[5] Dua orang lagi lelaki Indonesia yang di dalam rumah kongsi tersebut berjaya melarikan diri. Salah seorang daripada mereka sempat memukul kepala Muhammad Harith bin Abdullah ("Mohamad Harith") dengan sebatang besi paip, sebelum melarikan diri.

[6] Muhammad Iskandar Suppiah ("Mohamad Iskandar"), abang Mohammad Harith, yang melihat adiknya cedera di kepala telah naik marah dan bertindak menetak Tan Tiam Fah dan Solik dengan parang semasa mereka masih berbaring di atas tanah. Kejadian ini berlaku di antara jam 2.30 pagi dan 3 pagi.

[7] Apabila kedua-dua lelaki Indonesia yang sempat melarikan diri balik semula ke rumah kongsi pada jam lebihkurang 6.30 pagi mereka mendapati kedua-dua kawan mereka iaitu Tan Tiam Fah dan Solik telah meninggal dunia dan terus membuat laporan polis. Mengikut laporan bedah siasat, sebab kematian Tai Tiam Fah ialah "incised wounds to the face and neck." Manakala sebab kematian Solik ialah "incised wounds to the head and neck."

[8] Muhammad Iskandar telah ditangkap di Kuala Lumpur pada 27 Ogos 2003. Mohammed Harith juga telah ditangkap di Kuala Lumpur tetapi di alamat yang berlainan pada 28 Ogos 2003. Jaganthis a/l Ballaraman ditangkap di Melaka pada 23 Julai 2003. Ramani a/l Periasamy telah ditangkap di Kuala Lumpur pada 12 September 2003.

Mitigasi

[9] Peguambela di dalam mitigasinya bagi meringankan hukuman ke atas tertuduh meminta mahkamah mengambil kira bahawa kesemua tertuduh telah mengaku salah. Ini telah menjimatkan masa dan kos. Diskaun yang diberikan oleh mahkamah atas pengakuan salah ialah di

antara 1/4 dan 1/3 daripada hukuman yang akan dikenakan dan bukan berasaskan hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang: lihat *PP v. Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45, *PP v. Nazaruddin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9. Semua tertuduh, kecuali Mohammad Harith bin Abdullah, adalah pesalah pertama.

[10] Peguambela telah merujuk kepada beberapa kes mengenai prinsip-prinsip hukuman dan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan yang sama. Di antara lain, mahkamah hendaklah mengambilkira peranan setiap tertuduh di dalam melakukan sesuatu kesalahan: lihat *PP v. Wong Choo Chian* [2004] 5 MLJ 85, *PP v. Chan Akau* [2004] MLJ 471, *PP v. Pujiona & Ors* [2003] 5 MLJ 475 dan *Mohd Yusof v. PP* [1947] MLJ 130.

[11] Peguambela juga memohon mahkamah mengambil kira latarbelakang setiap tertuduh. Semasa kejadian, Mohammad Iskandar berumur 37 tahun, telah berkahwin dan ada tiga orang anak, berumur 4 tahun, 6 tahun dan 12 tahun. Beliau bekerja sebagai pembantu kedai makan di Pulau Pinang dan datang ke Melaka untuk menziarahi adiknya Mohammad Harith.

[12] Mohammad Harith, 31 tahun, telah berkahwin, ada empat orang anak, 2 tahun, 5 tahun, 6 tahun dan 8 tahun. Beliau sedang menjalani hukuman enam tahun penjara di Penjara Kajang atas kesalahan di bawah s. 394 Kanun Keseksaan ('KK') mulai dari 28 Ogos 2003. Ramani, 27 tahun juga telah berkahwin, ada dua orang anak, 2 1/2 tahun dan 5 tahun. Jaganthis, 20 tahun, belum berkahwin, bekerja sebagai 'wireman' dan membantu ibunya menanggung adik-adiknya yang masih bersekolah. Bapanya telah meninggal dunia.

[13] Mengenai hujah Timbalan Pendakwa Raya supaya hukuman ke atas Mohammad Harith berkuatkuasa selepas ia tamat menjalani hukuman penjara di atas kesalahan di bawah s. 394 KK peguambela menyerahkannya kepada mahkamah.

[14] Timbalan Pendakwa Raya memohon hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh. Diskaun yang diberikan kerana pengakuan salah hanyalah merupakan satu prinsip umum dan tidak diberikan secara automatik dalam semua kes: lihat *PP v. Nahendren Krishnasamy* [1996] 1 CLJ 309 HC.

[15] Timbalan pendakwa raya, bagaimanapun tiada halangan hukuman ke atas semua tertuduh bagi kedua-dua kesalahan berjalan serentak. Bagi Mohammad Harith, pendakwaan memohon mahkamah memerintahkan hukuman ke atasnya berkuatkuasa selepas ia tamat menjalani hukuman

penjara kerana kesalahan di bawah s. 394 KK. Mahkamah, di bawah s. 292(1) Kanun Acara Jenayah mempunyai budibicara untuk membuat perintah tersebut.

Prinsip-Prinsip Hukuman

[16] Apa yang perlu diputuskan sekarang ialah mengenai hukuman sahaja. Prinsip undang-undang mengenai hukuman adalah jelas dan telah diterangkan oleh mahkamah dari masa ke semasa. Di dalam kes *Mohd. Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; ([1987] CLJ (Rep) 209) SC Mahkamah Agung pada ms 410(214) menyatakan seperti berikut:

> In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.

[17] *Halsburys Laws of England*, vol. 9, para 365 menyenaraikan faktor-faktor yang perlu diambil kira seperti berikut:

> The court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the provocation which he had received, if the crime is one of violence, the antecedants of the prisoner up to the time of the sentence, his age and character.

[18] Faktor-faktor tersebut di atas telah dipertimbangkan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v. PP* [1947] 12 MLJ 130.

[19] Lawton LJ. di dalam kes *R v. Sargent* [1974] 60 Cri. App. R 74 menyenaraikan prinsip-prinsip hukuman kepada empat, iaitu, 'retribution, deterrence, prevention and rehabilitation'. Mahkamah hendaklah mengambilkira prinsip-prinsip tersebut di atas dan menimbangkan kesesuaiannya kepada fakta sesuatu kes. Di dalam kes *Mohamad Abdullah Ng Swee Kang v. PP* misalnya, mahkamah lebih menekankan prinsip 'retribution' dan deteren. Dalam konteks semasa, hukuman yang menjurus kepada prinsip 'retribution' mencerminkan perasaan benci masyarakat terhadap sesuatu kesalahan itu. Ini dapat dicapai dengan mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan. Lihat misalnya, *PP v. Dato' Waad Mansor* [2005] 1 CLJ 421 FC. Lawton LJ. dalam kes *R v. Sargent* menjelaskan, 'There is another aspect of retribution which is frequently overlooked; it is that society, through the courts, must show abhorrence of particular types of crime and the only way in which courts can show this is by the sentences they pass."

[20] Pada saya, ciri yang universal di dalam prinsip-prinsip hukuman di atas ialah kepentingan awam. Mahkamah di dalam memutuskan apakah hukuman yang ideal bagi sesuatu kesalahan itu hendaklah mengambilkira fakta kes tersebut dan bijak mengimbangkan kepentingan awam dengan kepentingan pesalah. Hukuman yang ideal bukan semata-mata bertujuan menghukum pesalah tetapi dengan harapan ia dapat mencegah perbuatan jenayah. Ini telah dijelaskan di dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256. YA Hakim Hashim Yeop A. Sani di dalam kes di atas, telah merujuk dan menerima pakai prinsip undang-undang yang digunapakai di England di dalam kes *Rex v. Kenneth John Ball* 35 Cri. App. R 164. Di dalam kes *Rex v. Kenneth John Ball*, Hilbery J menyatakan:

> The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living.

[21] Kepentingan awam dan kepentingan pesalah ini hendaklah diberikan pertimbangan yang seimbang: lihat *Rex v. Groudkowski* [1946] 1 All ER 234, *PP v. Loo Choon Fatt, Lim Guan Eng v. PP* [1998] 3 CLJ 769 CA. Lord Goddard di dalam kes *Rex v. Groudkowski* [1946] 1 All ER 234 menjelaskan seperti berikut:

> The judge must consider the interest of justice as well as the interests of the prisoner. It is too often nowadays thought, or seems to be thought, that the interests of justice means only interests of the prisoners.

[22] Kepentingan pesalah, yang merupakan orang-orang perseorangan atau bilangan minoriti di dalam sesuatu masyarakat, lebih-lebih lagi di dalam masyarakat majmuk di negara ini, tidak boleh mengatasi kepentingan masyarakat itu sendiri. Jika ini dibenarkan ia boleh menjejaskan kesetabilan masyarakat dan ketenteraman awam.

[23] Pengakuan salah oleh seseorang tertuduh adalah merupakan satu faktor mitigasi yang memihak kepada tertuduh. Ini kerana ia menjimatkan masa dan kos: lihat *Sau Soo Kin v. PP* [1975] 2 MLJ 134, *PP v. Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45. Diskaun yang diberikan

kerana pengakuan salah adalah dikira berdasarkan kepada tempoh hukuman yang akan dikenakan dan bukan berdasarkan kepada hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang.

[24] Yang Arif Mohamed Azmi SCJ di dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v. PP* menjelaskan seperti berikut:

> It is generally accepted that the extent of the reduction on account of plea of guilty would be between one quarter and one third of what otherwise would have been the sentence.

[25] Saya telah membuat perbandingan dengan kes-kes terdahulu bagi kesalahan-kesalahan yang sama untuk menentukan apakah tempoh hukuman penjara yang sesuai bagi kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh.

[26] Di dalam kes *PP v. Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 keenam-enam tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan di bawah s. 304 (bahagian pertama) Kanun Keseksaan. Mahkamah telah memberikan diskaun sebanyak 1/4 daripada hukuman yang sepatutnya dikenakan ke atas mereka kerana pengakuan salah. Semua tertuduh, kecuali tertuduh kedua, adalah pesalah pertama. Setelah menimbangkan semua faktor-faktor yang berkaitan, mahkamah telah mengenakan hukuman 8 tahun penjara mulai daripada tarikh tangkap ke atas semua tertuduh kecuali tertuduh kedua, yang dikenakan 8 1/2 tahun penjara kerana ia mempunyai kesalahan yang lampau.

[27] Di dalam kes *PP v. Nazaruddin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9, ketiga-tiga tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan di bawah s. 304 (bahagian pertama) Kanun Keseksaan. Setelah memberikan diskaun sebanyak 1/4 daripada hukuman yang patut dikenakan kerana pengakuan salah dan mengambilkira faktor yang berkaitan, mahkamah telah mengenakan hukuman 8 tahun penjara ke atas tertuduh pertama, 9 tahun penjara ke atas tertuduh kedua dan 5 tahun penjara ke atas tertuduh ketiga. Tertuduh pertama ialah pesalah pertama, tertuduh kedua, 27 tahun, mempunyai kesalahan lampau manakala tertuduh ketiga adalah seorang juvana (di bawah 18 tahun).

[28] Di dalam kes *PP v. Leo Say & Ors* [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683 HC, ketiga-tiga tertuduh telah dituduh di bawah ss. 3 & 3A Firearms (Increased Penalties) Act 1971 yang membawa hukuman mati mandatori. Mereka telah mengaku salah di bawah pertuduhan pindaan, iaitu s. 304 (bahagian pertama) Kanun Keseksaan. Yang Arif NH Chan telah menjatuhkan hukuman 20 tahun penjara ke atas setiap tertuduh. YA NH Chan berpendapat, "The sentences should act as a warning to others not to take part in similar offences. Such conduct should not only be held in utter abhorrence by all ordinary men and women but should receive, when brought to justice the severest possible punishment."

[29] Di dalam kes *PP v. Safian bin Abdullah & Anor* [1983] 1 CLJ 324; [1983] CLJ (Rep) 804 HC kedua-dua tertuduh, berumur 20 dan 21 tahun, telah mengaku salah di bawah s. 304 (bahagian pertama) Kanun Keseksaan dan di kenakan hukuman (14) tahun penjara. YA Wan Yahya (pada ketika itu) di dalam mengenakan hukuman tersebut, menyatakan, A B

> In my opinion these two accused, in spite of their ages, are dangerous criminals of aggressive propensity. Unless they are properly reformed they will continue to be a serious manace to society. A sufficiently long period of detention will be required for their correction, reformation and rehabilitation before they can be allowed to return to society.

[30] Di dalam kes *PP v. Nahendren a/l Krishnasamy* [1996] 1 CLJ 309 HC tertuduh berumur 32 tahun, telah mengaku salah di bawah s. 304 (bahagian pertama) Kanun Keseksaan dan telah dikenakan hukuman 18 tahun penjara. C

[31] Di dalam kes *PP v. Wong Choo Chian* [2004] 5 MLJ 85, tertuduh berumur 18 tahun 9 bulan. la pesalah pertama, mengaku salah di bawah s. 304(a) KK dan dikenakan hukuman (10) tahun penjara. Di dalam kes *Vinaga Moorthy a/l Gopal v. PP* [2003] 1 CLJ 758 CA ketiga-tiga tertuduh telah mengaku salah di bawah s. 304 K.K. dan dikenakan hukuman 12 tahun penjara, setiap seorang. Rayuan mereka atas alasan bahawa hukuman adalah berlebihan telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan. D E

[32] Kes-kes di atas menunjukkan bahawa tempoh hukuman penjara bagi kesalahan di bawah s. 304 KK adalah bergantung kepada fakta sesuatu kes, walaupun mahkamah pada umumnya, mengambilkira prinsip-prinsip hukuman yang sama. Pelbagai faktor, samada wujudnya faktor mitigasi atau faktor yang memberatkan (aggravating factors), jenis kesalahan, cara dan keadaan kesalahan itu dilakukan dan peranan tertuduh boleh mempengaruhi hukuman yang akan dikenakan. F

[33] Diskaun atau kredit yang diberikan atas pengakuan salah adalah bukan diberikan di dalam semua kes secara automatik. Mahkamah masih mempunyai budibicara sama ada untuk memberikan diskaun atau sebaliknya, bergantung kepada fakta kes berkenaan. G

[34] Di dalam kes *PP v. Chan Akau* [2000] 4 MLJ 471 dan kes *PP v. Ooi Kwang Lai* [2000] 6 MLJ 622 tertuduh telah mengaku salah di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan masing-masing dikenakan hukuman 10 tahun penjara dan 15 tahun penjara. YA Augustine Paul, yang mendengar kedua-dua kes tersebut berpendapat bahawa tidak ada peraturan yang menyatakan bahawa pengakuan salah akan secara automatik membolehkan tertuduh mendapat hukuman yang lebih ringan. Beliau merujuk kepada Lord Lane CJ di dalam kes *R v. Costen* [1980] 11 Cri. App. (S) CA 182 yang menyatakan seperti berikut: H I

A But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public. Where it is necessary that a long sentence, if necessary the maximum sentence should be passed in order to protect the public, in those circumstances a plea of guilty
B may not result in any discount.

Hukuman

[35] Apa yang berlaku di dalam kes di sini amat menyedihkan, menyayat hati dan mengerikan. Kita hanya perlu melihat kepada gambar-
C gambar yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan mengenai kecederaan-kecederaan yang dilakukan oleh Mohd. Iskandar kepada simati. Tidak ada seorang tertuduh pun yang menyatakan rasa insaf dan menyesal akan perbuatan mereka.

D **[36]** Simati telah dicederakan dan ditetak dengan parang oleh Mohammad Iskandar semasa kedua-dua mangsa sedang berbaring di atas tanah. Tidak ada sebarang pertengkaran atau pergaduhan fizikal di antara tertuduh dan mangsa-mangsa atau provokasi daripada mereka. Mereka juga bukanlah orang yang memukul adik tertuduh.

E **[37]** Kedua-dua mangsa tidak mengetahui dan tidak dapat menyaksikan prosiding pada hari ini. Mereka telah pergi buat selama-lamanya. Nyawa tidak dapat di nilai dengan wang ringgit. Kehilangan mereka akan menjadi ingatan pahit kepada keluarga mereka. Apa jua hukuman yang akan dikenakan adalah tidak sama dengan nasib yang menimpa mereka.

F **[38]** Hukuman yang seadil-adilnya ialah hukuman yang setimpal dengan kesalahan. la tidak terlalu lama atau terlalu pendek. Ini bergantung kepada fakta sesuatu kes. Hukuman penjara yang terlalu lama, boleh melahirkan reaksi yang negatif dan tidak mungkin dapat menepati objektif pemulihan.
G Apabila disisihkan terlalu lama dari masyarakat, ia akan menyulitkan proses assimilisasi dalam masyarakat. Tetapi hukuman itu hendaklah mencukupi untuk menjadi pengajaran kepada tertuduh supaya ia tidak akan mengulangi kesalahannya selepas dibebaskan dan mencukupi sebagai deteren kepada bakal-bakal pesalah.

H **[39]** Semua tertuduh kecuali Mohammad Harith, yang mempunyai kesalahan lampau, adalah pesalah pertama.

[40] Saya telah mengambil kira semua faktor-faktor yang tersebut di atas termasuk memberikan diskaun kerana pengakuan salah, peranan dan
I latarbelakang tertuduh di dalam menimbangkan hukuman yang seadil-adilnya dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Saya juga mengambilkira bahawa di dalam kes ini mangsa (si mati) adalah dua

orang sedangkan di dalam setiap kes-kes yang dirujuk di atas, mangsa (si mati) adalah seorang sahaja. Kesalahan di bawah s. 304 KK adalah kesalahan yang amat serius dan tidak boleh dipandang ringan. Setelah menimbangkannya, saya berpendapat hukuman yang sewajarnya adalah seperti berikut:

(a) Kes No. 45-2-2004 (Jaganthis a/l Ballaraman)

(i) Pertuduhan pilihan pertama – 9 tahun penjara.

(ii) Pertuduhan pilihan kedua – 9 tahun penjara.

Kedua-dua hukuman hendaklah berjalan serentak mulai dari tarikh tangkap.

(b) Kes No. 45-3-2004

(1) Tertuduh pertama (Mohammad Iskandar Suppiah bin Abdullah)

(i) Pertuduhan pilihan pertama – 13 tahun penjara.

(ii) Pertuduhan pilihan kedua – 13 tahun penjara.

Kedua-dua hukuman hendaklah berjalan serentak mulai dari tarikh tangkap. Tertuduh adalah pelakun utama di dalam jenayah ini.

(2) Tertuduh kedua (Mohammad Harith bin Abdullah)

(i) Pertuduhan pilihan pertama – 10 tahun penjara

(ii) Pertuduhan pilihan kedua – 10 tahun penjara

Hukuman di atas hendaklah berjalan serentak. Oleh kerana tertuduh sedang menjalani hukuman penjara bagi kesalahan di bawah s. 394 Kanun Keseksaan, maka mahkamah menggunakan kuasa budi bicaranya di bawah s. 292 KAJ dan memerintahkan hukuman bermula dari tarikh tertuduh tamat menjalani hukuman bagi kesalahan di bawah s. 394 KK. Setelah menyemak fail mahkamah, saya mendapati kesalahan di bawah s. 394 KK tersebut dilakukan selepas kes ini, semasa tertuduh masih bebas dan belum ditangkap.

Perlu diingati bahawa rancangan untuk melakukan samun bersenjata yang berakhir dengan kematian kedua-dua si mati adalah dibuat di rumah tertuduh. Tindakan abangnya, Mohammad Iskandar menetak kedua-dua si mati dengan parang adalah didorong oleh kecederaan yang dialami oleh adiknya.

A (c) Kes No. 45-4-2004 (Ramani a/l Periasamy)

(i) Pertuduhan pilihan pertama – 9 tahun penjara.

(ii) Pertuduhan pilihan pertama – 9 tahun penjara.

B Kedua-dua hukuman hendaklah berjalan serentak, mulai dari tarikh tangkap.

C

D

E

F

G

H

I